

Aplikasi digital tingkat peranan badan legislatif

Badan legislatif ialah medium utama memainkan peranan untuk menggubal, meminda dan memansuhkan undang-undang.

Secara kolektif, ia menjadi platform perbincangan dasar kerajaan dan isu negeri atau nasional.

Badan itu tidak akan sekali mengambil pendirian evasif atau mengelak daripada bertanggungjawab terhadap keperluan rakyat dengan melaksanakan tugas sekadar memenuhi jadual kebiasaan.

Dalam keadaan menghadapi perang asimetri virus COVID-19 yang masih tidak menentu dan bersiap sedia suasananya politik nasional tidak

stabil, badan legislatif perlu menawarkan peranan inklusif kepada rakyat melalui mekanisme adaptasi digital.

Masyarakat perlu akur mengadaptasi terhadap kesan pandemik melalui amalan norma baharu berikutan peringatan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan COVID-19 ti-

dak akan hilang sepenuhnya dalam masa terdekat.

Adaptasi komunikasi digital dan transformasi teknologi perlu diimplementasikan secara pragmatik dalam meningkatkan keberkesanan peranan badan legislatif.

Itu penting menyediakan maklumat komprehensif kepada wakil rakyat, selain menyampaikan hebahan seperti penggubalan, pindaan dan pemansuhan undang-undang kepada rakyat.

Adaptasi digital badan legislatif ini selari dengan pembangunan projek mega Negara Koridor Raya Multimedia (MSC) fasa ketiga (2011-2020).

Fasa ini memastikan transformasi rakyat sebagai masyarakat berasimilasi dengan penggunaan teknologi maklumat dan komputer (ICT) sebagai pelaksana dalam seluruh sektor ekonomi bagi memacu produktiviti dan inovasi negara.

Itu antara usaha menjadikan Malaysia sebagai hab cergas bagi penghasilan penyelesaian ICT.

Mengambil contoh Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, adaptasi tran-

sformasi digital rancak diaplikasikan.

Pengenalan sistem E-Dewan misalnya menjadi sistem pengurusan digital bagi persiapan persidangan DUN.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak lagi perlu mengeluarkan surat seperti sistem konvensional, sebaliknya menggunakan aplikasi ini yang lebih menjimatkan masa dan tenaga, selain mengurangkan risiko penularan COVID-19.

Hal ini ditegaskan Yang Dipertua DUN Terengganu, Datuk Yahaya Ali, dalam ucapan perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Kali Ke-14 (2020).

"Dalam mengurangkan risiko penularan COVID-19 dan memenuhi hasrat kerajaan Terengganu sebagai Kerajaan Digital Pintar, kita memberikan sepenuh kerjasama merealisasikan buku belanjawan digital yang boleh diperoleh melalui imbasan kod QR.

"Itu menatijahkan badan legislatif turut menjalankan prakarsa merintis budaya pengurusan digital yang boleh menjadi contoh kepada badan kerajaan lain ataupun rakyat," katanya.

Bagi tujuan menyedarkan rakyat terhadap kepentingan berasimilasi dengan norma baharu, tanggungjawab tidak hanya perlu diletakkan kepada pihak Kementerian Kesihatan (KKM) atau Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sebaliknya, ia melalui alam digital menerusi media sosial rasmi badan legislatif yang boleh dijadikan platform bagi menyampaikan hebahan kesedaran kepada masyarakat melalui variasi kandungan kreatif untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Ada pepatah mengatakan alah bisa tegal biasa. Begitu juga situasi adaptasi digital dalam norma baharu, terutama membabitkan badan legislatif yang biasanya dianggap sukar diimplementasikan kerana dilihat lebih konvensional.

Hikmah di sebalik ujian COVID-19, kita dapat melihat adaptif digital dalam masyarakat lebih pantas, sekali gus mempersiapkan minda masyarakat berlandaskan pembangunan futuristik.

Penulis adalah Setiausaha Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu



Zulkiyfy Isa